

 SITI KHADIJAH[®]

LAMBANG CINTA ABADI



82

**PADZILAH
ENDA SULAIMAN**

PENGASAS JENAMA SITI KHADIJAH



PADZILAH ENDA SULAIMAN

PENGASAS JENAMA SITI KHADIJAH

Padzilah Enda Sulaiman, pengasas dan pereka produk Siti Khadijah, pada mulanya adalah seorang suri rumah sepenuh masa.

Namun, sebelum terlibat dalam rekaan inovasi pembuatan telekung, beliau juga pernah terlibat dalam perniagaan hiasan dalaman dalam satu perkongsian bersama syarikat Chantique Hias selama dua tahun iaitu dari tahun 1996 hingga 1998.

Memiliki Sijil Usuluddin dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada tahun 2008, beliau kemudiannya secara berperingkat-peringkat menjalankan kerja-kerja rekaan telekung yang amat menekankan tentang keselesaan dan mengkomersialkannya buat kali pertama pada tahun 2009, iaitu rekaan asal yang menjadi perintis kepada tiga lagi rekaan beliau yang kini menjadi tanda dagangan kepada jenama Siti Khadijah.

Ini semua dilakukan beliau melalui rasa minatnya yang begitu mendalam. Pada masa yang sama, beliau sentiasa melakukan inovasi dan penambahbaikan terhadap rekaan-rekaannya dengan cuba memahami kehendak-kehendak yang bernilai tinggi daripada pelanggan atau pasaran.

Padzilah adalah watak utama dalam membangunkan jenama Siti Khadijah® sehingga mencapai ke tahap kini. Sebagai penghargaan di atas kewibawaan serta keusahawanan beliau, Padzilah bagi tahun 2016, telah terpilih menerima anugerah "Women Entrepreneur Award" dalam majlis penyampaian anugerah Enterprise 50 dari SME Corp Malaysia dan Deloitte.

*emansipasi kepada kaum wanita semuanya.
Terima kasih atas segala pengorbanan Tun selama ini.*

Tulus ikhlas dari Siti Khadijah



SITI KHADIJAH

Tom Gift



LAMBANG CINTA ABADI

DITERBITKAN OLEH:



Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd.

No. 7-61-3A,
Jalan Medan Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia.

© **Padzilah Enda Sulaiman**

Terbitan Pertama 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd.

PENASIHAT PENERBITAN:

Hajjah Padzilah Enda Sulaiman
Haji Aminuddin Mohd Nasir

PENGARAH PENERBITAN:

Aizuddin A. Karim

PENGURUS PENERBITAN

Md. Amirol Ibrahim

EDITOR

Nurfadilawati Shamsawi

SUSUN ATUR HURUF

Hajar Yusof

PEREKA KULIT

Ku Halina Ku Halim

Perpustakaan Negara Malaysia

Padzilah Enda Sulaiman, 1963-

LAMBANG CINTA ABADI SITI KHADIJAH / PADZILAH ENDA SULAIMAN

ISBN 978-967-12891-4-3

1. Businesswomen--Quotations.
2. Businesswomen--Life skills guides.

I- Judul.

658.0082

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

DIURUS TERBIT OLEH:

Gubuk Ilmu

PENERBIT

Gubuk Ilmu

No. 153B, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Baru 50300
Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
amirol.gubukilmu@gmail.com
Tel: 019-341 8975

DICETAK OLEH:

FIRDAUS
PRESS

Firdaus Press Sdn. Bhd

No.28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
Tel: 013-234 5363

658.0082
PAD



LAMBANG CINTA ABADI

PADZILAH ENDA SULAIMAN

Pengasas Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd



PUSTAKA PERDANA



1014076



2017



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

 **SITI KHADIJAH**®
www.sitikhadijah.com



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA



Kandungan

viii	PRAKATA
xii	PENGENALAN
1	Bab 1 Legasi Telekung Siti Khadijah
12	Bab 2 Keluargaku Kebahagiaanku
52	Bab 3 Bagaimana Legasi Telekung Siti Khadijah Berkembang
64	Bab 4 Siti Khadijah Mengorak Langkah
88	Bab 5 Promosi dan Pemasaran
96	Bab 6 Memartabatkan Busana Warisan
106	Bab 7 Cabaran Dan Badai Dalam Bisnes
114	Bab 8 Tip Bisnes
122	PENUTUP

Prakata

Buku “Lambang Cinta Abadi Siti Khadijah” ini diterbitkan bagi berkongsi pengalaman dan kisah saya sepanjang menempuh perjalanan kehidupan sebagai seorang anak, murid, menantu, isteri, ibu mentua, majikan, dan juga seorang nenek. Banyak pengalaman suka duka dalam membesar dan mendidik enam orang putera di samping menjadi suri kepada suami sepenuh masa yang mahu saya kongsi.

Sebagai seorang isteri, pengorbanan kita terhadap keluarga pasti terbalas jua. Bila dan siapa yang membalas hanya Allah yang menentukan. Asalkan semua tanggungjawab dilakukan dengan ikhlas tanpa ada rungutan dan pertikaian. Setiap ibu sejati pasti mahu melakukan yang terbaik demi zuriat

mereka, tetapi tetap ada kebimbangan yang kemewahan akan merosakkan masa depan mereka. Kasih sayang dan saat-saat kritikal ketika anak-anak membesar tidak boleh ditukar ganti dengan kebendaan. Hala tuju kehidupan yang dicorakkan membentuk peribadi dan akhlak mereka.

Dalam dunia perniagaan, masing-masing berlumba-lumba mengejar keuntungan tanpa menghiraukan tanggungjawab sosial. Ini banyak membuka mata saya, supaya lebih prihatin terhadap ummah. Satu lagi pesanan saya, dalam kecerdikan dan kebijaksanaan kita, jangan lupa restu ibu bapa memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan. Di situlah letaknya rahsia kejayaan dan kebahagiaan. Gembirakanlah mereka selagi mereka masih ada. Keseimbangan dalam aspek kehidupan ini merupakan kunci kebahagiaan dan ketenangan hidup.



Pengenalan

Mengapa Siti Khadijah?

Saidatina Khadijah... saya pasti ramai yang mengenali nama itu. Beliau adalah isteri kepada junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. yang kita kasihi. Nama Saidatina Khadijah begitu dekat di hati kita. Seorang wanita bangsawan, kaya, dan masyhur di kota Makkah. Kebijaksanaan Khadijah berdagang menyebabkan beliau begitu disegani dan sentiasa disanjung tinggi oleh penduduk di Tanah Suci Makkah.

Khadijah binti Khuwalid Al-Qubra, wanita berhati mulia, rupawan, hartawan, dan bijaksana itu meluahkan perasaan yang terpendam serta cintanya terhadap Muhammad bin Abdullah melalui sahabatnya, Nafisah Munayyah setelah tertarik tatkala melihat pemuda Bani Quraisy itu buat kali pertama menguruskan perdagangannya ke Syam. Baginda Muhammad dan Saidatina Khadijah diijabkabulkan pada tahun ke-28 sebelum Hijrah dengan mahar 20 ekor unta betina yang masih muda. Hasil perkahwinan selama 25 tahun yang disulami kebahagiaan dan pelbagai ujian, mereka dikurniakan enam cahaya mata, iaitu Zainab, Al-Qasim, Ruqayyah, Ummu Kalthum, Fatimah, dan Abdullah. Bagaimanapun, Al-Qasim dan Abdullah kembali ke rahmatullah ketika masih kecil. Namun, Zainab, Ruqayyah, Ummu Kalthum, dan Fatimah sentiasa menjadi penghibur kepada Rasulullah S.A.W. dan Khadijah.

Antara keistimewaan Khadijah, beliau merupakan orang pertama yang memeluk agama Islam dan Rasulullah S.A.W. tidak berpoligami sepanjang hayat Khadijah. Sifat isteri solehah Baginda Rasul ini wajar diteladani kerana beliau bijak menenangkan Rasulullah S.A.W. ketika Baginda bersedih, gementar, berdukacita, dan resah gelisah. Ini terbukti apabila beliau berjaya menenangkan Rasulullah S.A.W. ketika Baginda berasa gementar sejeurus pulang dari Gua Hira' setelah menerima wahyu pertama daripada Allah SWT, yang disampaikan oleh Jibril a.s.

Ummul Mukiminin ini juga menjadi penyokong, pendorong, dan peniup semangat kepada Rasulullah S.A.W. dalam menggerakkan usaha dakwah dalam mengembangkan ajaran Islam. Beliau begitu setia dan sanggup berkorban jiwa raga, harta, dan kekayaan untuk melihat Islam terus berkembang serta memastikan kejayaan perjuangan suami tersayang. Beliau sentiasa bersama Nabi Muhammad S.A.W. walau dalam saat duka dan kesukaran kerana perasaan kasih dan sayangnya yang begitu mendalam terhadap Baginda Rasul.

Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: “Allah tidak memberi kepadaku pengganti isteri yang lebih baik daripada dia (Khadijah). Dia beriman kepadaku tatkala semua orang mengingkari kenabianku. Dia membenarkan kenabianku ketika semua orang mendustakan diriku. Dia membantu diriku dengan hartanya ketika semua orang tidak mahu menolongku. Melalui dia, Allah SWT. menganugerahi anak kepadaku.” (Riwayat Ibnu ‘Abdul Birr).

Saidatina Khadijah juga termasuk empat wanita mulia sepanjang zaman. Nabi S.A.W. menyatakan, empat wanita itu adalah Maryam (puteri Imran), Asiah (isteri Firaun), Khadijah, dan Fatimah Az-Zahra. Saidatina Khadijah menyahut panggilan Ilahi ketika berusia 65 tahun dan sewaktu berhadapan kesakitan yang panjang, beliau sentiasa ditemani Baginda Rasul. Ketika Khadijah kembali ke rahmatullah, Islam telah berjaya dikembangkan sehingga ke negara-negara Arab, termasuk Habsyah (Ethiopia). Beliau meninggal dunia pada

bulan Ramadhan dan disemadikan di tanah perkuburan Ma'ala di Tanah Suci Makkah.

Keutamaan Saidatina Khadijah di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya sentiasa dipandang tinggi. Diriwayatkan bahawa Allah SWT menyampaikan salam-Nya kepada Khadijah ketika hayatnya melalui Jibril a.s. setiap kali menemui Baginda Rasul. Hakikatnya, kegigihan, kekuatan, semangat perjuangan, kemuliaan, kesetiaan, ketegasan, kesantunan, dan kelembutan yang dimiliki Ummul Mukminin ini perlu dicontohi kita dalam mengharungi kehidupan serta bahtera rumah tangga.

Sifat-sifat **terpuji** ini juga menjadi **pendorong** kepada saya untuk mengabadikan nama **bangsawan** tersohor dan **wanita** unggul ini bagi jenama produk saya. Semangat dan kegigihan **Saidatina Khadijah** saya teladani untuk menceburi dunia perniagaan. Mudah-mudahan semangat kental dimiliki wanita bangsawan itu terus **meresap dalam jiwa** saya buat selama-lamanya.

Tidak pernah terlintas dalam fikiran saya memilih nama Siti Khadijah kerana wanita pertama atau ibu kepada seluruh manusia ialah Siti Hawa tetapi tanpa sengaja Siti Khadijah menjadi pilihan utama kerana sifat-sifat yang dimilikinya menambat hati saya. Mungkin bagi sesetengah individu, nama Siti Khadijah umpama nama seorang wanita kampung dan tiada nilai komersial, tetapi Alhamdulillah... nama Siti Khadijah kini bertakhta di hati wanita yang menitik beratkan keselesaan dan keindahan tatkala menyarung telekung untuk mendirikan solat.

BAB SATU

Legasi Telekung Siti Khadijah





LAMBANG CINTA ABADI

Siti Khadijah adalah nama yang indah dan mulia. Pada nama ini terukir cinta abadi seorang Rasul, tercatat sejarah perjuangan Islam dan tersemat kisah kejayaan dalam dunia perniagaan.

Allah jualah yang memberi ilham kepada Padzilah Enda Sulaiman untuk mengabadikan nama Siti Khadijah sebagai jenama produknya.

Siti Khadijah kini bertakhta di hati wanita yang menitikberatkan keselesaan dan keindahan tatkala menyarung telekung untuk mendirikan solat. Inilah telekung yang cantik dan istimewa untuk bertemu Allah Yang Maha Agung.

Buku ini dimulakan dengan imbauan kisah cinta dan perjuangan Siti Khadijah bersama Rasulullah s.a.w pada zaman awal permulaan dakwah Islam. Seterusnya, kisah ini disambung dengan kenangan waktu kecil dan pahit manis di belakang tabir kehidupan pengasas jenama Siti Khadijah.

Tiada kejayaan yang dicapai tanpa adanya cabaran. Tiada kebahagiaan yang diraih tanpa adanya pengorbanan. Disebalik gahnya jenama Siti Khadijah, tidak ramai yang tahu betapa peritnya ujian yang menimpa.

Dan buku ini adalah manifestasi harapan dan keyakinan kepada Allah Yang Maha Pemurah.

"Jika kita berserah 100% kepada Allah, setelah berusaha dan berdoa kepada-Nya. Insya Allah, rezeki terus mencurah seperti yang dijanjikan."

Padzilah Enda Sulaiman

ISBN 978-967-12891-4-3



9 789671 289143 >

Sem. Malaysia : RM 24.90
Sabah / Sarwak : RM 26.90

Kerjasama Penerbitan :

